



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI KESEJAHTERAAN JIWA PERKLINIKAN (B.2 EB.3)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI KESEJAHTERAAN JIWA PERKLINIKAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Psikologi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai Pendaftaran dengan Badan-Badan atau Lembaga-Lembaga Psikologi Profesional Antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengambil peranan di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*clinical diagnosis*) tentang penyakit yang memerlukan rawatan;
2. Melaksanakan peranan yang termasuk menuju ke arah agenda pembaharuan, pemodenan di dalam perkhidmatan berasas bukti (*evidence based*), proaktif dan siap siaga untuk menyumbangkan kepada pembaikan kesihatan pesakit dan pengawalan penyakit-penyakit kronik di peringkat negara;
3. Membantu pegawai yang lebih kanan di dalam menjalankan tugas-tugas harian;
4. Membantu di dalam menjalankan kajian-kajian klinikal serta penyelidikan tertentu di dalam pengurusan permasalahan klinikal yang berkaitan untuk membantu di dalam mempertingkatkan rawatan dan mempiawaikan kaedah rawatan;
5. Sentiasa memelihara kerahsiaan maklumat pesakit / klien;
6. Untuk mempertahankan Piawai Profesional selaras dengan Kod Etika Profesional (*Professional Code of Conduct*) yang ditetapkan oleh ahli atau Badan-Badan Pertubuhan Psikologi Antarabangsa;



7. Bekerjasama dengan pegawai dan kakitangan lain serta ibu bapa atau penjaga dalam perancangan dan rawatan yang diberikan;
8. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada pegawai yang lebih kanan yang menyelia jika diperlukan;
9. Sentiasa mengemaskinikan perkhidmatan ini dengan pengetahuan rawatan-rawatan psikologi jika diperlukan;
10. Membantu menyediakan rancangan, anggaran dan keperluan tahunan dalam urusan perkhidmatan ini;
11. Membantu mengkaji, merancang dan menguatkuasakan dasar-dasar perkhidmatan dan memastikan taraf perkhidmatan diberikan kepada klien / pesakit adalah dengan lebih cekap dan lancar;
12. Bertanggungjawab mengendalikan mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang tertentu sebagaimana diarahkan, contohnya sebagai tenaga pengajar; dan
13. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel bagi meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.